

Siasatan NRES mendapati kejadian di Jalan Masjid India akibat faktor antropogenik

Tanah jerlus kerana aktiviti manusia

Oleh MUHAMMAD NAJIEB
AHMAD FUAD

PUTRAJAYA – Kejadian tanah jerlus berdekatan Jalan Masjid India, Kuala Lumpur akibat faktor antropogenik (aktiviti manusia), cuaca dan juga hakisan lapisan tanah tambak di bawah permukaan kawasan tersebut.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dalam kenyataan berkata, faktor berkenaan adalah hasil siasatan yang dilakukan oleh pelbagai agensi bertanggungjawab ekoran kejadian berkenaan.

Jelas NRES, satu laporan teknikal hasil siasatan berkaitan geologi dan struktur bawah permukaan akan disediakan oleh kumpulan Task Force Struktur Tanah Masjid India yang diterajui oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam masa tiga bulan.

“Secara am, NRES menegaskan bahawa Kuala Lumpur adalah selamat untuk dihuni.

“Walau bagaimanapun, pemantauan terhadap aspek pemantauan, penyelenggaraan, prosedur dan kaedah penyiasaan



KERATAN Kosmo! 1 September 2024.

tan bawah permukaan meliputi struktur binaan bawah tanah dapat mengenal pasti dan mengelak sebarang ancaman tanah jerlus dan lubang benam yang mungkin berlaku,” katanya semalam.

Kementerian itu berkata, siasatan

LOKASI tanah jerlus yang mengakibatkan Vijaya Lakshmi hilang pada 23 Ogos sehingga operasi pencarian dihentikan pada 31 Ogos lalu.

tan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah menggunakan peralatan Ground Penetration Radar (GPR) bagi mendapatkan gambaran strata geologi dan sistem utiliti bawah permukaan kawasan kejadian bagi tujuan

proses pemulihan menyeluruh oleh pihak bertanggungjawab.

“Dari segi geologi, batuan dasar di Kuala Lumpur didasari oleh sejumlah anggaran 30 peratus batu kapur dan 70 peratus terdiri daripada batuan granit

dan batuan metasedimen iaitu Formasi Kenny Hill, Syis Hawthornden dan Syis Dinding.

“Manakala kawasan tanah jerlus adalah didasari oleh batuan syis, filit dan kuarzit Formasi Kenny Hill,” ujarnya.

Katanya, NRES melalui JMG juga sedang menambah baik data bawah permukaan kawasan Lembah Klang yang meliputi 10 buah Pihak Berkuasa Tempatan melalui Projek Pemetaan Geologi Sub-permukaan Greater KL bagi melengkapkan lagi maklumat sedia ada bawah permukaan Kuala Lumpur yang telah dijalankan di bawah projek 3DKL.

NRES turut menasihatkan orang awam agar tidak mempercayai sebarang spekulasi yang dikeluarkan oleh pihak tidak bertanggungjawab mengenai keadaan keselamatan bawah permukaan Kuala Lumpur serta perlu mendapatkan maklumat yang sahih dari pihak berautoriti.

Dalam insiden 23 Ogos lalu, seorang pelancong dari India, G. Vijaya Lakshmi, 48, hilang selepas terjatuh akibat kejadian tanah jerlus ketika berjalan kaki.